

## **Adab Pergaulan dan Kesannya Sesama Manusia Menurut Al-Quran dan Al-Sunnah Terhadap Pelajar**

***Nor Adilah Najwa Hassan\*, Hamdi Ishak & Sabri Mohamad***

*Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia*

*adilahnajwa91@yahoo.com\**

### **ABSTRAK**

Isu pergaulan pelajar sesama manusia sentiasa mendapat perhatian masyarakat dan media sosial. Pengetahuan dan kefahaman adab perlu ditekankan terhadap pelajar bagi menangani permasalahan pergaulan pelajar. Kajian literatur ini bertujuan untuk mengenalpasti adab pergaulan sesama manusia. Kajian ini menggunakan kepustakaan dan kaedah analisis dokumen dengan merujuk buku adab pergaulan serta bahan-bahan terbitan seperti artikel dan akhbar. Hasil kajian mendapati, antara kesan pergaulan yang sihat, kita dapat saling berhubungan mengadakan pendekatan antara satu sama lain dan saling bantu membantu dan saling memenuhi dalam keperluan. Agama Islam kita telah menyeru dan mengajak kaum muslimin, bergaul di antara kaum muslimin, baik bersifat peribadi orang perseorangan, mahupun badan dalam bentuk kesatuan. Malah, dengan pergaulan kita dapat mencapai sesuatu yang berguna untuk kepentingan masyarakat yang adil dan makmur, dalam membina masyarakat yang berakhlakul karimah.

Kata kunci: adab, pergaulan, al-Quran dan al-sunnah.

### **ABSTRACT**

The issue of social interaction with fellow human beings has always been attentive to society and social media. Thus, students need to be exposed to prior knowledge which is hoped to act as a tool to shield them from harm. Knowledge, understanding of manners needs to be made aware to overcome this problem. This study is intended to identify manners of human relationships. This study uses the method of library research and document analysis with reference to the books of tafsir, thesis, dissertation, seminar proceedings, the books of association, published materials such as articles and newspaper. The study found out, we can interact with each other to make approaches between one another and help each other help and meet each other in needs. Our Islam has appealed to and invited the Muslims, associating among Muslims, both personal and body in the form of unity. In fact, with association we can achieve something that is useful for the benefit of a just and prosperous society, in fostering a society that has good moral character.

### **PENGENALAN**

Golongan pelajar merupakan generasi yang bakal mewarisi negara kita pada masa akan datang. Realiti isu sosial dalam konteks pergaulan di kalangan pelajar-pelajar sekolah semakin parah dan membimbangkan masyarakat dalam merealisasikan matlamat negara dalam melahirkan masyarakat yang bertamadun. Dunia hari ini memerlukan pelajar yang profesional dari segi kepintaran intelektualnya, akhlak dan jati diri yang unggul dalam menerajui dunia. Imam al-Ghazali (2012) menyatakan Islam bukan agama yang didasarkan pada hubungan liar yang tidak mengenal batas, tetapi Islam mempunyai garis hidup yang konkrit dalam batasan-batasan hidup bermasyarakat. Namun, pada hari ini, akhlak pelajar kurang terserlah dalam pergaulan mereka. Mereka mula bersikap acuh tidak acuh terhadap batas-batas pergaulan yang dianjurkan oleh Islam (Dasima Sidek 2015).

## **PERNYATAAN MASALAH**

Awang Nazarudin (2017) membicarakan faktor berlaku pergaulan bebas ialah pelajar atau remaja terlibat dalam keruntuhan akhlak dan kurang pendidikan agama. Antaranya, iman yang lemah. Pelajar muslim perlulah mengenalpasti segala kekurangan yang ada pada diri dan sentiasa muhasabah diri sebagai persediaan untuk menghadapi arus pembangunan yang berkembang pantas dengan kewujudan pelbagai ciptaan sains dan teknologi yang berleluasa sehingga berlakunya keruntuhan akhlak, jenayah, keganasan dan gejala sosial dalam kalangan pelajar. Hubungan kekeluargaan yang lemah. Keutuhan hubungan antara keluarga mampu mengatasi pengaruh rakan sebaya. Hubungan yang mantap dengan ibu bapa membolehkan keluarga menjadi pengaruh yang besar dalam kehidupan pelajar dari aspek membuat pilihan jenis rakan sebaya, keputusan-keputusan penting, dan amalan nilai-nilai agama dan budaya (Brown, Mopunts, Lamborn, & Steinberg 1993).

Ahmad Firdaus (2016) membuktikan prestasi pencapaian akademik pelajar dan motivasi sosial dapat dikaitkan dengan hubungan yang positif di antara guru dengan pelajar. Kajian Mohd Yusof (2011) menyatakan hubungan kejiwaan sangat penting dalam melahirkan masyarakat sejahtera. Seramai 132 orang ketua isi rumah telah ditemuselidik dan jumlah ini mewakili 30 peratus jumlah ketua isi rumah yang terdapat di kampung berjaya dan di kampung mepelam. Hasil kajian telah menunjukkan bahawa hubungan kekeluargaan sahaja masih belum cukup untuk menjamin kesejahteraan, manakala hubungan kejiwaan yang baik telah dianggap sebagai penentu kesejahteraan hidup penduduk. Namun, gabungan kedua-dua hubungan ini lebih memberi jaminan kesejahteraan hidup masyarakat 'urban village'.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Pengkaji menggunakan kaedah kepustakaan semasa mengkaji bahan-bahan bertulis berkaitan dengan tajuk dan mengumpul data yang diperlukan. Pengkaji menggunakan metode ini dengan menganalisis beberapa bahan yang telah dikenalpasti seperti kitab-kitab al-Quran, kitab-kitab berkaitan ilmu tafsir, tesis, disertasi, artikel, kertas kerja ilmiah, prosiding seminar, keratan akhbar dan sebagainya yang berkaitan dengan bidang kajian. Dalam kajian ini juga, pengkaji menggunakan kaedah analisis dokumen seperti artikel dan akhbar.

## **ADAB PERGAULAN SESAMA MANUSIA MENURUT AL-QURAN DAN AL-SUNNAH**

Islam telah menggariskan tatacara pergaulan menurut al-Quran dan al-Sunnah. Menurut Rokiah (1999) kriteria seorang muslim ke arah pergaulan sesama manusia menurut al-Quran dan al-Sunnah meliputi memberi salam dalam pertemuan, meminta izin, kasih-mengasihi, menepati janji, tolong-menolong, dan menahan marah. Komponen tersebut akan berjaya sekiranya setiap muslim beramal dengan sabar. Perkara ini adalah untuk memberi panduan dan menjamin keharmonian hidup bermasyarakat sesama manusia. Islam bukan sahaja mendidik umat muslim membina hubungan dengan Allah (hablun minallah) semata-mata, namun sangat mementingkan hubungan dengan manusia juga (hablun minannas) kerana sesama muslim telah diikat oleh Allah s.w.t dengan tali ukhwah Islamiah.

### **Pergaulan Dengan Ibu Bapa**

Abu Bakr Jabir Al-Jazairi (1996) menyatakan Islam telah meletakkan asas pergaulan pelajar dengan ibu bapa ialah wajib taat dan berbuat baik kepada ibu bapa dan mendengar arahan, malah sewajarnya mentaati ibu bapa sama ada perintahNya atau laranganNya selama tidak melanggar

syariat Allah dan tiada unsur-unsur maksiat kepada Allah. Contohnya, memberi layanan yang terbaik kepada mereka seperti memberi perlindungan, memberi makan, membiayai kehidupan mereka, membelikan pakaian dan sebagainya. Beliau berpandangan anak-anak khususnya pelajar wajib bergaul dengan menghormati dan mengagungkan martabat kedua ibu bapa serta merendahkan diri kepada ibu bapa dan wajib memuliakan mereka dari sudut perkataan dan perbuatan, dilarang menderhaka seperti membentak dan mendapat keizinan dan keredhaan mereka sebelum keluar rumah. Allah s.w.t berfirman dalam al-Quran (surah Luqman 13:15).

### **Pergaulan Dengan Adik Beradik**

Abu Bakr Jabir al-Jazairi (1996) membicarakan bahawa pergaulan manusia khususnya pelajar dengan adik beradik adalah seperti hubungan dengan ibu bapa, sama ada mengenai hak dan kewajipan dan sopan santun. Beliau menjelaskan sama ada mukmin atau kafir wajib menghubungkan tali silaturahim, berbuat kebajikan, beradab, serta melaksanakan hak-hak dengan menghormati yang tua dan mengasihi yang muda, menziarahi yang sakit dan menolong yang kena musibah. Hal ini disebutkan juga dalam hadis yang bermaksud: “Berbuat baiklah kepada ibumu, bapamu, saudara perempuanmu, saudara lelakimu kemudian saudara ke bawah dan seterusnya”. (Bazar dengan sanad hasan). Sunan Abi Dawd. Abwabu an-naum. Bab fi birri wa lidain.

Menurut Abdullah Nasih ‘Ulwan (2010) membicarakan adik-beradik adalah golongan yang memberi sesuatu pertolongan dan menerima daripada mereka dengan bercampur dan berhubungan dengan mereka. Contohnya, adik beradik yang lebih tua menjadi ikutan serta teladan samaada akhlak yang baik atau buruk bagi yang lebih muda mengikut apa yang berlaku terhadap semua kanak-kanak seperti dalam aktiviti sosial, berakhlak mulia, couple, akademik, dan lain-lain. Peranan ibu bapa sangat penting dalam mencegah daripada percampuran dengan adik beradik yang berakhlak buruk dan memberi kesedaran, perhatian, pengawasan dan nasihat mengikut akhlak-akhlak Islam. Menurut Abu Laits as-Samarqandi (2010) membicarakan bahawa seorang yang sentiasa menjaga hubungan dengan keluarga seperti ziarah-menziarahi, membantu dengan harta atau tenaga, dan saudara berada jauh boleh berhubung melalui aplikasi teknologi dan sekiranya menziarahi saudara yang jauh itu lebih utama telah mempereratkan silaturrahim. Pemeliharaan aurat juga perlu dipraktikkan dalam aspek batas dan adab pergaulan antara pelajar dengan adik beradik seperti “Mahram lelaki boleh melihat dada ke atas dan dibawah lutut daripada mahram wanitanya, jika syahwatnya dan syahwat wanita itu aman (terkawal). Jika tidak, maka tidak dihالalkan baginya memandang bagi menghindarkan hal-hal yang menimbulkan dosa. Anak-anak yang telah baligh harus menjaga batas dan had pergaulan dengan sepupu samaada lelaki atau perempuan. Sepupu adalah bukan mahram (boleh dikahwini). Oleh itu, auratnya sama seperti dengan orang lain. Walaupun ramai yang menganggap sepupu adalah seperti adik beradik, namun batas syariat dan pergaulan perlu dijaga.

### **Pergaulan Dengan Guru**

Imam al-Ghazali (2012) menyatakan amalan bertegur sapa seperti mengutamakan guru dengan penghormatan dan salam merupakan hubungan baik antara keduanya. Pelajar mestilah terlebih dahulu menyapa guru ketika bertemu terutamanya jika sudah lama tidak berjumpa dengan guru. Pelajar juga haruslah tidak bercakap terlalu banyak di hadapan guru dan mengikut arahan dalam pergaulan dengan guru. Pelajar yang mengikut arahan guru memperoleh kejayaan dalam peperiksaan. Pelajar haruslah bercakap apabila ditanya oleh guru sahaja dan tidak bertanya (sebelum diizinkan terlebih dahulu). Malah, pelajar digalakkan mendengar kata guru dan tidak membantah guru dengan berkata ‘fulan mengatakan pendapat yang berbeza dengan apa yang kamu katakan’.

Pergaulan yang baik antara guru dengan pelajar juga ialah tidak memberikan cadangan yang berbeza kepada guru sehingga menganggap bahawa dia lebih mengetahui yang betul daripada gurunya. Imam al-Ghazali juga berpesan, pelajar mestilah menghormati majlis atau sesi pengajaran dalam kelas dengan tidak bertanya kepada rakannya ketika majlis berlangsung dan duduk dengan tertib di dalam kelas. Seperti duduk menundukkan kepala, beradab dan tenang seolah berada dalam solat. Seterusnya pelajar mestilah diam serta memahami ketika guru menyampaikan kuliah di dalam kelas dan tidak memperbanyakkan (pertanyaan) kepada guru, ketika dia sedang bosan. Pelajar juga haruslah menghormati guru kerana ilmunya dan kebiasaannya orang lebih muda wajib menghormati orang yang lebih tua. Seperti apabila guru berdiri, maka berdiri untuk menghormatinya dan tidak memanggil guru dengan namanya tetapi memanggil dengan kata-kata panggilan yang sesuai seperti tuan guru, cikgu, ustaz, ustazah. Seterusnya, menjaga lisan dan jangan menyakiti perasaan guru. Ketika hubungan dengan guru, janganlah menyakiti hati guru dalam apa cara sekalipun. Hati dan perasaan guru mestilah dijaga walau apa juga keadaannya. Seperti tidak menyakiti perasaan guru dengan tidak mengikut guru dengan perkataan atau pertanyaan seperti mengejek. Terakhir, berbaik sangka pada guru dalam perbuatan zahirnya yang pelik dan aneh, sebab guru lebih tahu rahsianya. Sekiranya perkara itu berlaku mestilah ingat perkataan Nabi Musa kepada Khidr a.s dalam firman Allah s.w.t dalam (Surah al-Kahf 18:71).

### **Pergaulan Dengan Rakan**

Menurut Imam al-Ghazali (2012) terdapat beberapa tatacara bergaul dalam persahabatan yang harus diamalkan. Antaranya ialah, pertama menghadkan atau membataskan pergaulan. Pelajar mesti tahu batas-batas pergaulan sesama rakan agar dapat menjaga etika pergaulan sosial yang telah disyariatkan. Membataskan pergaulan perlu dititikberatkan terutamanya pergaulan lelaki dan perempuan malah pergaulan antara sesama sejenis juga ada hadnya. Seperti menjaga aurat, menutupi had aurat yang telah ditetapkan, pakaian yang longgar dan tidak nipis. menghadkan dan membataskan pergaulan antara pelajar wajib untuk mengelakkan pergaulan bebas.

Pelajar boleh membantu rakan dari segi harta dan kewangan. Memberi dan membantu ketika rakan susah dan senang mengikut kemampuan sama ada dari segi kewangan, masa, atau tenaga. Mencari penyelesaian ketika sahabat memerlukan bantuan tanpa perlu diminta. Contohnya, bertukar pendapat dalam pelajaran seperti mengajar dalam pelajaran yang lemah dalam bidang tertentu mengikut apa yang kita faham setelah dipelajari. Malah, dalam hubungan pergaulan sesama rakan digalakkan menyampaikan pujian orang lain yang menjadikan rakan gembira, mendengar kata-katanya dengan baik dan tidak bergaduh dengannya. Rakan yang baik akan memanggil dengan nama yang paling disukainya, memuji dengan kebaikan yang dilakukan, sentiasa berterima kasih atas kebaikannya.

Membelanya apabila kehormatannya dipijak-pijak seperti dia membela dirinya sendiri dan berani menasihatinya apabila rakan melakukan kesilapan atau dengan sindiran apabila diperlukan secara berhikmah. Sikap berlapang dada. Memaafkan apabila rakan melakukan kesilapannya dan kekeliruannya dan tidak mencacinya dan tidak berdendam terhadapnya. Selain itu, mendahulukan rakan dengan salam dan bermanis muka semasa bertemu dengannya dan melapangkan tempat baginya dalam majlis. Malah, pelajar perlu memberi perhatian dan mendengar dengan teliti serta diam ketika dia berbicara sehingga selesai dan tidak menyampuk kata-katanya.

### **Pergaulan Dengan Jiran**

Imam Nawawi (2011) mensyarahkan jangan menyakitinya sama ada dari sudut perkataan dan perbuatan. Termasuklah memuliakannya dan menghormatinya. Hindarilah daripada mengganggu jiran dengan suara berbisik, berteriak dan tidak membuat bising terutamanya di waktu malam

kerana boleh mengganggu jiran tetangga yang sedang tidur atau berehat. Hal ini bertepatan dengan sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud:

*Daripada Abu Syuraih al-Khuza'i r.a. bahawa nabi s.a.w bersabda: 'Barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhir maka hendaklah dia berbuat baik kepada tetangganya. Dan barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhir, maka hendaklah dia memuliakan tetamunya dan barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhir, maka hendaklah dia berkata yang baik atau hendaklah berdiam sahaja.'*

*(Sahih Muslim: Kitab Iman. Bab al-hassu a'Cla ikram al-jar wa aldoif. Wa la zumu as-samtu illa Cnil khair wa kawnu zalika kulluhu min al-iman)*

Berbuat baik kepada jiran. Apabila mereka memerlukan bantuan, maka perlu membantu mengikut kemampuan sebagai jiran mereka. Seperti ketika pelajar dalam perjalanan pulang ke rumah dan terjumpa seorang jiran tua membawa banyak barang, tidak salah kiranya pelajar menghulurkan bantuan untuk menolong mengangkat barang tersebut. Amalan tolong-menolong. Sikap tolong-menolong merupakan interaksi dua hala sesama jiran. Amalan ini merupakan perbuatan yang baik malah besar nilainya kerana melibatkan penglibatan pelajar keseluruhannya dengan tetangga. Contohnya, aktiviti gotong-royong. Pada masa kini, remaja atau pelajar suka terlibat dengan aktiviti melepak dengan kawan-kawan ke tempat yang tidak berfaedah berbanding aktiviti yang dianjurkan oleh penduduk kawasan kediaman mereka. Imam al-Ghazali (1979) menyatakan beberapa hak jiran tetangga yang perlu dijaga iaitu memulai mengucapkan salam dan tidak terlalu lama berbicara ketika bersama mereka dan tidak banyak menanyakan tentang keadaan mereka, menjenguknya ketika mereka sakit. Malah, menghiburnya ketika tertimpa musibah dan menemaninya ketika sedih atau menyenangkan mereka serta menemaninya ketika mereka bahagia dan disarankan memaafkan kesalahannya dan tidak menampakkan cacat dan aibnya.

### **Pergaulan Dengan Masyarakat**

Abu Bakr Jabir al-Jazairi (1996) telah menyenaraikan pergaulan pelajar boleh amalkan dengan masyarakat ialah apabila berjumpa sesama manusia, haruslah memberi salam yang muslim dan mengucapkan sejahtera kepada yang bukan muslim ketika bertemu sebelum berbicara dengannya lalu berjabat tangan yang diberi salam menjawab salam tersebut. Allah berfirman dalam (Surah an-Nisa' 4:86). Pelajar juga mestilah mestilah bersifat tawadhu' dan tidak sombong kepada sesama manusia. Allah berfirman dalam (Surah Lukman 31:18). Pelajar mestilah menghindari amalan mengumpat, mengejek dan menghina atau memanggilnya dengan panggilan yang buruk. Allah berfirman dalam (Surah al-Hujurat 49:11-12). Menurut Imam al-Ghazali (1997) pelajar mestilah bergaul sesama masyarakat dengan akhlak yang baik seperti bersikap ramah dan mesra, tidak menyakitinya, berbuat baik kepadanya, menerima kebaikannya, memaafkan kesalahannya dan tidak membebaninya dengan sesuatu yang tidak mampu. Allah berfirman dalam (Surah al-A'Raf 7:199).

### **Kesan Adab Pergaulan Terhadap Pelajar**

#### ***i. Ibu bapa***

Ahmad Hassan (2009) menjelaskan antara kesan bergaul baik dengan ibu bapa ialah dibukakan pintu syurga seluas-luasnya. Selain itu, akan dikabulkan doa dan dipanjangkan usia dan mendapat anak soleh yang akan memuliakannya. Beliau berpandangan pergaulan yang baik antara pelajar dengan ibu bapa adalah amalan yang baik untuk bertaubat daripada dosa dan menunjukkan ketulusan pengorbanan ibu bapa dan menjadi anak yang soleh sekaligus kehidupan kekeluargaan menjadi aman, bahagia, dan sentosa apabila kecintaan dan kemesraan dipupuk dengan penuh keharmonian, kesetiaan dan hubungan yang baik dan menjadi pelajar yang cemerlang di dunia dan akhirat. Menurut Fatanah (1997) menyatakan kajian-kajian terdahulu di Malaysia dan Barat telah menunjukkan bahawa pergaulan dan hubungan yang baik antara anak dan ibu bapa memberi

kesejahteraan hidup remaja sebagai pelajar dari aspek kepuasan hidup, kecemerlangan akademik, tingkah laku seks, dan konsep sendiri.

**ii. Adik beradik:**

Menurut Sholeh Fauzan (2007) menjelaskan kesan mengeratkan silaturrahim ialah mendapat keredhaan Allah kerana Allah menyuruh bersilaturrahim, dapat menggembirakan mereka kerana terdapat hadis yang mengatakan bahawa seutama-utama amal ialah menyenangkan orang mukmin. Selain itu, dapat memupuk rasa cinta di kalangan keluarga, kerana suka membantu apabila memerlukan bantuan mereka. Malah dapat menjaga maruah dan nasab sesama ahli kerabat seperti saudara kandung dan sepupu.

**iii. Guru:**

Berdasarkan Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff et al (2008) interaksi yang membina antara pelajar dengan guru diibaratkan satu motivasi seperti dapat mempengaruhi tahap pencapaian pelajar dengan mempengaruhi apa, mana, dan bagaimana pelajar belajar sekaligus dapat mengelakkan segala masalah keruntuhan moral dan akhlak pelajar yang kian menular pada masa sekarang. Menurut Hasnan (2010) pergaulan pelajar terhadap guru mestilah dititikberatkan dalam konteks persekolahan. Hal ini kerana, pergaulan yang baik antara pelajar dengan guru akan memberi impak yang positif seperti melahirkan pelajar yang berjaya dan cemerlang dari segi peribadi, sahsiah dan dalam bidang akademik.

**iv. Rakan:**

Menurut Hasnan (2010) pergaulan pelajar dengan rakan termasuklah berani menegur kesilapan rakan. Teguran yang dilakukan hendaklah secara lembut dan berhikmah bukanlah bertujuan untuk menyakitkan hati tetapi untuk kebaikan diri rakannya. Sahabat yang mengambil berat tentang diri kita sahaja akan berani menegur kesilapan dan membantu untuk memperbaiki kesilapan diri untuk kebaikan rakannya di dunia dan akhirat. Menurut Abi Jauhar (1995) mengambil berat mengenai hal ehwal rakan dapat mengeratkan silaturrahim dan mengukuhkan kasih sayang kepada rakannya.

**v. Jiran:**

Hasnan (2010) menyatakan dengan berbuat baik terhadap jiran pelajar juga akan mendapat balasan yang baik dan tanpa pelajar sedari, pelajar telah menjadi dewasa dalam hidup bersosial dan semua pengalaman tersebut dapat dijadikan pengajaran di hari muka. Pandangan beliau lagi, pelajar yang aktif berinteraksi melalui aktiviti seperti ini akan mengenali lebih ramai lagi jiran-jiran perumahan dan seandainya pelajar memerlukan pertolongan, jiran akan mudah menghulurkan pertolongan kepada mereka. Menurut Mohd Yusof Hussain (2011) membicarakan kesan pergaulan khususnya pelajar dengan jiran ialah hubungan kejiiran yang baik menyumbang kepada kesejahteraan hidup penduduk. Malah, lebih ketara dan lebih tinggi jika hubungan kekeluargaan disepadukan dengan kejiiran dalam membentuk nilai kesejahteraan.

**vi. Masyarakat:**

Kemahiran sosial pelajar di sekolah membantu mereka dalam berinteraksi dengan masyarakat. Menurut Sholeh Fauzan (2007) membicarakan amalan menyebarkan salam dan menziarah orang sakit dalam pergaulan dengan masyarakat khususnya pelajar mampu menenteramkan hati dan mewujudkan kasih sayang dan menguatkan cinta sesama muslim. Menurut (Azrina 2016) penglibatan dalam kesukarelawanan khususnya pelajar dapat membina kemahiran pelajar dalam bersosial, memberi kesedaran bermuhasabah diri, insaf, bertanggungjawab, bersikap positif kerana bersyukur dengan kehidupan yang dilalui berbanding orang yang hidup dalam kesempitan

dan tertekan contohnya, kanak-kanak yang dibesarkan dalam persekitaran yang berisiko, dan gelandangan. Selain itu, tambah hasil kajian beliau mendapati pelajar dapat mengelakkan diri daripada terjebak gejala negatif, lebih berdisiplin dan memantapkan pemikiran dan bijak berdiplomasi dengan masyarakat, kemampuan bersosial dan bekerjasama.

## KESIMPULAN

Jelaslah melalui kajian kepustakaan ini bahawa al-Qur'an telah menyebut aspek pergaulan. Tambahan lagi, melalui tinjauan literasi yang telah dilakukan terhadap kajian yang hampir serupa, masih tidak banyak kajian yang dilakukan mengenai pergaulan pelajar. Oleh kerana itu, soal pergaulan pelajar di negara ini masih lagi di tahap yang sederhana walau pelajar dilabelkan sebagai tunggak negara mutakhir ini. Penting kajian adab pergaulan dan kesannya terhadap pelajar ini di analisa dan diteruskan penyelidikan terhadapnya untuk memberi maklumat dan menyedarkan masyarakat khususnya di kalangan pelajar betapa pentingnya mempertahankan kesucian maruah diri, agama dan negara. Membantu kepada pihak tertentu terutama yang berkait rapat dengan institut pendidikan di Malaysia. Antaranya, ialah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, Institut Pendidikan seperti Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Institut-institut Pendidikan Guru dan Sekolah-sekolah dalam usaha membuat perancangan peningkatan kualiti pendidikan dan hala tuju pendidikan negara dalam melahirkan masyarakat yang cemerlang. Pengkaji dapat merumuskan bahawa pergaulan yang sihat, kita dapat saling berhubungan mengadakan pendekatan antara satu sama lain dan saling bantu membantu dan saling memenuhi dalam keperluan. Agama Islam kita telah menyeru dan mengajak kaum muslimin, bergaul di antara kaum muslimin, baik bersifat peribadi orang perseorangan, mahupun badan dalam bentuk kesatuan. Jelaslah di sini, dengan pergaulan kita dapat mencapai sesuatu yang berguna untuk kepentingan masyarakat yang adil dan makmur, dalam membina masyarakat yang berakhlakul karimah.

## RUJUKAN

- Abdullah Nasih 'Ulwan. 1998. *Pendidikan Anak-Anak Menurut Pandangan Islam*. Jilid 1. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Abu Bakr Jabir al-Jazaairi. 1996. *Minhaj al-Muslim: Pedoman Hidup Muslim*. Drs. M. Hasanuddin. Edisi Malaysia. Victory agencies.
- Abi Jauhar. 1995. *Hemah dan Pandangan Imam al-Ghazali: Adab Persahabatan Menjalin Kasih Sayang*. Selangor: Citakhidmat Sdn. Bhd. Hlm. 12. Kamus Dewan. 1989. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 375.
- Abu Laits as-Samarqandi. 2010. *Tanbihul Ghafilin (Peringatan Bagi Yang Lupa)*. H. Salim Bahreisy. Jil. 1&2. Selangor: Pustaka Jiwa Sdn. Bhd.
- Ahmad Hasan Mohd. Nazam. 2009. *Wasiat Luqman Al-Hakim*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Dasima Sidek. 2015. *Keberkesanan Pendidikan Syariah Islamiah Terhadap Pergaulan Pelajar: Kajian Di Sekolah Menengah Di Kuala Terengganu*. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Dr. Rokiah Ahmad. 1999. *Adab Pergaulan Menurut Al-Quran Dan Al-Sunnah*. Kuala Lumpur: Penerbit Haji Abdul Majid.
- Dr. Sholeh Fauzan. 2007. *Adab Seorang Muslim Dengan Masyarakat: Akhlak Muuslim Perkaitannya Dengan Masyarakat*. Kula Lumpur: Penerbit Jasmin Enterprise.
- Fatanah Mohamed. 1997. *Kajian Terhadap Masalah Peribadi Pelajar-Pelajar Sekolah Berasrama Penuh Dan Tidak Berasrama Penuh Di Pengkalan Chepa*. Disertasi Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Hasnan Kasan. 2010. *Akhlak Pelajar Cemerlang*. Sinar Tenggara Sdn. Bhd.

Imam Al-Ghazali. 2012. *Jadilah Orang Yang Menjiwai Iman Dan Hidayah*. Khadijah Rahman. Selangor: Al-Hidayah House Of Publishers Sdn. Bhd.

Imam Nawawi. 2010. *Riyadus Solihin Min Kalami Sayyid Al-Mursalin: Terjemahan Riyadus Solihin (Taman Orang-Orang Soleh)*. Jil 1&2. Muhammad Akhyar Lc. Kuala Lumpur: Pustaka Al-Shafa.

Mohd Yusuf Ahmad. 2013. *Pendidikan Al-Quran: Kunci Menjiwai Kalam Tuhan*. Pts Darul Furqan Sdn.Bhd. Hlm.121.